

Najib: Kerajaan awasi pelaksanaan RMKe-10
Malaysiakini.com
July 06, 2010

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan akan memastikan semua langkah yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMKe-10) dilaksanakan dan diawasi dengan teliti bagi mengekalkan lajakan pertumbuhan ekonomi.

"Sesetengah projek membabitkan kerajaan, swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Ini adalah projek utama yang menyediakan rangsangan dan meningkatkan permintaan domestik.

"Jika berlaku sebarang kemelesetan di segi persekitaran luaran di dalam separuh kedua tahun ini, kita perlu memastikan permintaan domestik sangat tinggi akan terus kekal agak kukuh dan bertenaga di negara ini," katanya semasa berucap di majlis Perundingan Bajet 2010 di Putrajaya hari ini.

Najib berkata, walaupun berlaku ketidaktentuan pada sektor luaran, ekonomi Malaysia terus berdaya tahan.

Katanya, ekonomi negara telah menunjukkan pemulihan yang kukuh dengan mencatatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) 10.1 peratus pada suku pertama, iaitu yang tertinggi sejak suku pertama 2000.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136562>